

AGENDA 9

**MEMILIH TIGA (3) ANGGOTA LEMBAGA
DAN MENGESAHKAN PELANTIKAN
TIGA (3) ANGGOTA LEMBAGA YANG
DICALONKAN OLEH LEMBAGA FELDA
BAGI SESI 2026/2027**

Mesyyuarat
AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN
KE **45**

AGENDA 9

MEMILIH TIGA (3) ANGGOTA LEMBAGA DAN MENGESAHKAN PELANTIKAN TIGA (3) ANGGOTA LEMBAGA YANG DICALONKAN OLEH LEMBAGA FELDA SESI 2026/2027

TUJUAN

Agenda ini dibentangkan untuk perwakilan memilih tiga (3) anggota Lembaga dan mengesahkan pelantikan tiga (3) anggota Lembaga yang dicalonkan oleh Lembaga FELDA bagi sesi 2026/2027 bagi menggantikan enam (6) anggota Lembaga yang mengosongkan jawatan mereka pada Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-45 (MAPT Ke-45), mengikut peruntukan fasal (1) dan (3) undang-undang kecil (UUK) 38.

LATAR BELAKANG

2. Tiga (3) anggota Lembaga lantikan FELDA yang memegang jawatan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari mengikut perenggan (b) fasal (1) UUK 38 hendaklah mengosongkan jawatan mereka pada tiap-tiap MAPT seperti yang diperuntukkan dalam fasal (3) UUK 38. Penyandang jawatan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari bagi sesi 2025/2026 ialah seperti berikut:

Bil.	Nama	Jawatan
1.	Dato' Mohd Banuri bin Aris	Pengerusi
2.	Encik Ahmad Syaarani bin Azulan	Setiausaha
3.	Puan Iswanie binti Tormodi	Bendahari

3. Selaras dengan keperluan perenggan (b) fasal (1) UUK 36, Lembaga FELDA telah mencalonkan tiga (3) anggota daripada kalangan Pegawai Kanan Kumpulan FELDA untuk menyandang jawatan sebagai Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari untuk disahkan oleh MAPT Ke-45 dan Mesyuarat Lembaga pertama sesi 2026/2027 iaitu:

Bil.	Nama	Jawatan FELDA	Jawatan KPF
1.	Encik Izham bin Mustafa	Pengarah Kumpulan Bahagian Perladangan, FGV Holdings Berhad	Pengerusi
2.	Encik Ahmad Syaarani bin Azulan	Pengarah Pembangunan Komuniti Dan Generasi, FELDA	Setiausaha
3.	Puan Iswanie binti Tormodi	Pengarah Jabatan Pengurusan Modal Insan, FELDA	Bendahari

4. Menurut fasal (1) UUK 38 satu pertiga daripada bilangan anggota Lembaga yang dipilih di bawah perenggan (a) fasal (1) UUK 36 juga akan mengosongkan jawatan mereka secara bergilir-gilir pada tiap-tiap MAPT. Tiga (3) anggota Lembaga yang mengosongkan jawatan bagi MAPT Ke-44 iaitu:

Bil.	Nama	Kategori	Wilayah
1.	Dato' Ramli bin Ismail	Peneroka	Johor Bahru
2.	Encik Hasbullah bin Muhamad	Peneroka	Terengganu
3.	Dato' Muhammad Rizal bin Abdul Rahim	Kakitangan	Kuala Lumpur

5. YBhg. Dato' Ramli bin Ismail dan Encik Hasbullah bin Muhamad telah mencalonkan diri untuk bertanding semula bagi sesi 2026/2027. Selain itu, seramai empat (4) orang calon lagi menawarkan diri dan disahkan layak untuk bertanding bagi mengisi tiga (3) kekosongan anggota Lembaga.

6. Secara keseluruhannya, seramai enam (6) perwakilan iaitu lima (5) perwakilan daripada kategori peneroka dan satu (1) perwakilan daripada kategori kakitangan akan bertanding bagi mengisi tiga (3) kekosongan. Maklumat calon adalah seperti berikut:

(a) Kategori Peneroka

Bil.	Nama	Wilayah
1.	Dato' Ramli bin Ismail	Johor Baharu
2.	Encik Hasbullah bin Muhamad	Terengganu
3.	Encik Azidy bin Daud	Jengka
4.	Encik Mohammad Yahya bin Zakaria	Raja Alias
5.	Encik Mohd Khairull bin Ismail*	Raja Alias

*Nota: *Calon dicalonkan oleh Koperasi Peserta Felda Titi Jelebu Berhad*

(b) Kategori Kakitangan

Bil.	Nama	Wilayah
1	Dato' Zakaria bin Arshad	Kuala Lumpur

Profil calon-calon tersebut adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2.**

ULASAN LEMBAGA

7. Selaras dengan kehendak UUK 36, perwakilan MAPT Ke-45 akan memilih tiga (3) anggota Lembaga dan mengesahkan tiga (3) anggota Lembaga yang dilantik oleh Lembaga FELDA untuk sesi 2026/2027.

8. Kesemua calon telah melalui proses penentuan dan memenuhi kriteria layak serta sesuai seperti yang dikuatkuasakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) mengikut peruntukan subseksyen 43(2) Akta Koperasi 1993. Calon-calon juga telah melalui proses tapisan keutuhan (eSTK) oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan didapati kesemua calon didapati bebas daripada sebarang rekod kesalahan rasuah, pengisytiharan bankrap dan kewangan (tunggakan kredit).

9. Pemilihan perwakilan untuk mengisi kekosongan anggota Lembaga sesi 2026/2027 (selain anggota yang dicalonkan oleh FELDA) adalah melalui proses pengundian. Keputusan pengundian akan disahkan oleh Jawatankuasa Pengundian yang dianggotai oleh wakil anggota Lembaga, Pegawai SKM dan wakil Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD).

SYOR

10. Sehubungan itu, perwakilan adalah disyorkan:

- (a) Mengesahkan tiga (3) anggota yang dicalonkan oleh Lembaga FELDA untuk memegang jawatan sebagai Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari sesi 2026/2027; dan
- (b) Memilih perwakilan bagi mengisi kekosongan tiga (3) anggota Lembaga sesi 2026/2027 iaitu dua (2) perwakilan daripada kategori peneroka dan satu (1) perwakilan daripada kategori kakitangan melalui proses pengundian.

11. Agenda ini dibentangkan untuk proses pengundian dan pengesahan pelantikan anggota-anggota Lembaga bagi sesi 2026/2027.

(A) CALON Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari**ENCIK IZHAM BIN MUSTAFFA****CALON
Pengerusi****Jawatan Terkini:**

Pengarah Kumpulan Bahagian Perladangan, FGV Holdings Berhad

Umur:

51 tahun

Pendidikan:

- Ijazah Sarjana Pengurusan Industri Perladangan, Universiti Teknologi Mara
- Ijazah Sarjana Muda Sains Perhutanan, Universiti Putra Malaysia

Pengalaman:

- Timbalan Pengarah Besar Perladangan, FELDA
- Pengarah Perladangan, FELDA
- Ketua Unit Perancangan Perladangan, FELDA
- Pengurus Besar (Wilayah Trolak), FELDA
- Pengurus Besar (Wilayah Raja Alias) FELDA
- Ketua Unit Agropolitan, FELDA
- Pengarah Perladangan, FELDA

ENCIK AHMAD SYAARANI BIN AZULAN**CALON
Setiausaha****Jawatan Terkini:**

Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti Dan Generasi FELDA

Umur:

46 tahun

Pendidikan:

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Manusia, Universiti Putra Malaysia

Pengalaman:

- Pengarah Wilayah Felda Wilayah Mempaga, FELDA
- Pengarah Wilayah Felda Wilayah Kuantan, FELDA
- Pengarah Jabatan Tadbiran, FELDA
- Penolong Pengarah Jabatan Pengurusan Tanah, FELDA
- Pegawai Tadbir Jabatan Tanah, FELDA
- Pegawai Tadbir, Felda Wilayah Kuantan
- Pegawai Tadbir, Felda Wilayah Jengka

(A) CALON Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari



CALON
BENDAHARI

PUAN ISWANIE BINTI TORMODI

Jawatan Terkini:

Pengarah Jabatan Pengurusan Modal Insan, FELDA

Umur:

47 tahun

Pendidikan:

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Teknologi Mara

Pengalaman:

- Pengarah Jabatan Audit Dalam, FELDA
 - Penolong Pengarah Jabatan Kewangan, FELDA
 - Pengawal Kewangan Jabatan Kewangan, FELDA
 - Ketua Bahagian Pelaburan Jabatan Kewangan, FELDA
 - Akauntan Jabatan Kewangan, FELDA
-

(B) CALON-CALON ANGGOTA LEMBAGA (KATEGORI PENEROKA)**CALON
NOMBOR****1****KATEGORI
PENEROKA****ENCIK AZIDY BIN DAUD****Pekerjaan:**

Pesara

Umur:

62 tahun

Status Anggota :

Anak Peneroka

Pendidikan:

- Ijazah Sarjana Kewangan Universiti Western Michigan, USA
- Ijazah Sarjana Muda Perniagaan dan Kewangan Universiti Western Michigan, USA

Pengalaman:

- Ketua Pengurusan Aset & Liabiliti, MBSB Bank
- Ketua Perbendaharaan, Asian Finance Bank
- Ketua Perbendaharaan, RHB Bank Islamic
- Ketua Pasaran Bon, Bumiputra Commerce Bank

**CALON
NOMBOR****2****KATEGORI
PENEROKA****ENCIK HASBULLAH BIN MUHAMAD****Pekerjaan:**

Peneroka

Umur:

58 tahun

Status Anggota :

Peneroka

Pendidikan:

Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

Pengalaman:

- Pegawai Seranta FELDA, Jabatan Perdana Menteri
- Ketua Peneroka Gabungan JKKR FELDA Wilayah Terengganu
- Penolong Setiausaha Jawatankuasa Perunding Peneroka Kebangsaan
- Ketua Peneroka Felda Selasih
- Pengerusi Koperasi Kepimpinan Felda Wilayah Terengganu Berhad
- Pengerusi Koperasi Felda Selasih

(B) CALON-CALON ANGGOTA LEMBAGA (KATEGORI PENEROKA)**CALON
NOMBOR****3****KATEGORI
PENEROKA****ENCIK MOHAMMAD YAHYA BIN ZAKARIA****Pekerjaan:**

Peguam & Rakan Kongsi Utama Firma Guaman Tetuan Yahya Anne Associates

Umur:

47 tahun

Status Anggota :

Anak Peneroka

Pendidikan:

Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Dengan Kepujian), Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengalaman:

- Rakan Kongsi Utama, Tetuan Yahya Anne Associates (dahulunya dikenali sebagai Tetuan Rusmah Arunan & Associates)
- Rakan Kongsi, Tetuan Rusmah Arunan & Associates
- Ahli Jawatankuasa Pusat, Biro Perundangan Dan Dasar, Pertubuhan Kami Anak Felda Malaysia (KAF)
- Pengerusi Pertubuhan Satu Silaturahim Anak FELDA (1SAF)
- Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Perantau Jelebu Di Kuala Lumpur, Putrajaya Dan Selangor (PKPJ)
- Presiden Persatuan Alumni Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar (PRESSTiJ)

**CALON
NOMBOR****4****KATEGORI
PENEROKA****ENCIK MOHD KHAIRULL BIN ISMAIL****Pekerjaan:**

Penolong Pegawai Perubatan Gred U6

Umur:

42 tahun

Status Anggota :

Anak Peneroka

Pendidikan:

- Ijazah Sarjana Sains Kesihatan Pekerjaan & Pengurusan Kesihatan, Universiti Utara Malaysia Sintok
- Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Sains Politik) Universiti Sains Malaysia
- Diploma Pembantu Perubatan, Kolej Pembantu Perubatan Seremban (KPPS)

Pengalaman:

- Pembantu Perubatan, Pejabat Kesihatan Daerah Jelebu
- Penolong Pegawai Perubatan, Hospital Jelebu

(B) CALON-CALON ANGGOTA LEMBAGA (KATEGORI PENEROKA)**CALON
NOMBOR****5****KATEGORI
PENEROKA****DATO' RAMLI BIN ISMAIL****Pekerjaan:**

Peneroka

Umur:

75 tahun

Status Anggota :

Peneroka

Pendidikan:

Diploma Pengurusan & Pentadbiran, Universiti Teknologi Mara

Pengalaman:

- Pegawai Naziran, FELDA
- Pegawai Khas, FELDA
- Ketua Peneroka Felda Sg. Sayong
- Pengerusi Biro Ekonomi FELDA, Wilayah Johor Bahru

(C) CALON LEMBAGA (KATEGORI KAKITANGAN)**CALON
NOMBOR****1****KATEGORI
KAKITANGAN****DATO' ZAKARIA BIN ARSHAD****Pekerjaan:**

Ahli Korporat

Umur:

67 tahun

Pendidikan:

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Kuala Lumpur Metropolitan University College
- Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial – Ekonomi, Universiti Sains Malaysia
- Senior Management Development Programme Harvard Business School
- Corporate Partnership Programme, University Cambridge UK

Pengalaman:

- Ketua Pegawai Eksekutif, FGV Holdings Berhad
 - Ketua Pegawai Eksekutif, Apex Equity Berhad
 - Pengerusi, Cosmos International Technology Berhad
 - Pengerusi, UPM Holding Business Management
 - Pengarah, CYL Corporation Bhd
-